



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SERI ROHANI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**DI
MAJLIS SEMARAK SINAR RAMADHAN 1436H/2015
11 JULAI 2015 (SABTU)
RUMAH SERI KENANGAN JOHOR BAHRU**

[SALUTASI]

Assalaamu `alaikum warahmatullaahi wa barakaatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kita dapat bersama-sama pada hari yang bermakna ini dalam **Majlis Semarak Sinar Ramadhan 1436H/2015** di Rumah Seri Kenangan Johor Bahru. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor kerana menjadi tuan rumah dan menganjurkan Majlis Semarak Sinar Ramadhan bagi meraikan warga emas daripada Rumah Seri Kenangan (RSK) Johor Bahru dan warga emas yang dijemput dari sekitar negeri Johor. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Kerajaan Negeri Johor yang sudi bekerjasama dalam menjayakan majlis ini. Mudah-mudahan majlis ini mendapat keberkatan dariNya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

2. Sesungguhnya majlis pada hari ini diadakan khusus untuk meraikan sambutan bulan Ramadhan al-Mubarak yang mulia bersama-sama golongan warga emas yang disayangi di samping mengeratkan hubungan antara pihak kementerian dengan penghuni dan golongan warga emas di sekitar negeri Johor. Adalah diharapkan agar majlis ini juga dapat memberi kegembiraan kepada warga emas yang sentiasa dekat di hati pihak kementerian selama ini. Peluang untuk berbuka puasa dan beramah mesra dengan golongan warga emas ini amat dihargai oleh saya sendiri secara peribadi serta seluruh warga kementerian kerana kami amat menghormati dan menyayangi ibu-ibu dan bapa-bapa yang telah banyak mengharungi kehidupan dan menabur jasa selama ini kepada agama, bangsa dan negara.

Walau berat suara menyebut,
Tanah lebar dicangkul pandai,
Dikau ibarat bahtera di laut
Tak pernah gentar dipukul badai.

Limau kasturi dijamah ratu,
Bekal dijamu di Tanah Melayu,
Walau usia dimamah waktu,
Cekal hatimu tak pernah layu.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

NEGARA TUA (AGEING SOCIETY)

3. Malaysia dijangka akan mencapai negara tua (*aged nation*) pada tahun 2030 berdasarkan unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus (5.284 juta) daripada jumlah penduduk negara. Scenario ini jelas kelihatan berdasarkan data yang menunjukkan kadar purata jangka hayat penduduk Malaysia makin meningkat di mana wanita adalah 77.2 tahun dan lelaki 72.3 tahun memberi isyarat penyediaan perkhidmatan kepada warga emas memerlukan perhatian yang khusus. Oleh itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai agensi utama yang bertanggungjawab untuk membekalkan perkhidmatan kebajikan kepada warga emas sedang giat merangka perancangan dan pelan tindakan bagi mewujudkan *safety net* yang terbaik merangkumi penglibatan warga emas dalam pekerjaan sambilan agar sentiasa aktif, keperluan kesihatan dan perubatan, program untuk warga emas terus aktif dalam kehidupan harian, dan peranan serta tanggungjawab anak untuk menjaga mereka.
4. Pihak kementerian juga turut giat memperkasakan perkhidmatan sedia ada seperti Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Sehingga kini terdapat 45 PAWE yang beroperasi di seluruh Negara dan 5 buah lagi PAWE telah diluluskan untuk ditubuhkan pada tahun 2015. Kementerian melalui JKM juga bakal memperkenalkan satu lagi perkhidmatan baru kepada warga emas iaitu *Respite Care*. *Respite Care* adalah merupakan perkhidmatan alternatif kepada waris/ penjaga untuk menempatkan secara sementara warga emas dalam jagaan institusi untuk satu jangkamasa tertentu. Sebagai permulaan, perkhidmatan ini bakal disediakan di Rumah Seri Kenangan Cheras pada tahun ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

5. Untuk memastikan penjagaan dan perlindungan yang terbaik diberikan kepada warga emas, kakitangan di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat serta pusat jagaan sentiasa diperkayakan dengan ilmu dan kemahiran yang lebih baik dan seragam melalui perlaksanaan latihan berasaskan kepada Standard Kemahiran Kebangsaan/*National Occupational Skills Standard (NOSS)*. Ini sangat penting agar kualiti penjagaan warga emas dapat dipertingkatkan dan mematuhi standard yang seragam dan bersifat global.

SINDROM EMPTY NEST

6. Warga emas sering dikaitkan dengan sindrom "empty nest". Sindrom "empty nest" merupakan satu isu psikologi di mana ibu bapa, terutama ibu, merasa sedih dan kesunyian apabila anak-anak meningkat dewasa dan mula meninggalkan rumah untuk berdikari, sama ada belajar, bekerja atau berkahwin. Perasaan ini lebih dirasai terutama bila salah seorang pasangan masih bekerja atau telah meninggal dunia. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 2004 (KPKM-4) dan dipadankan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan 2010 mendapati sebanyak 41.2% warga emas mengalami gangguan kepada kesihatan fizikal dan mental hasil daripada *empty nest*. KPWKM amat prihatin akan sindrom 'empty nest' yang sedang menular terutama dalam kalangan ibu yang berusia lewat 40-an dan 50-an kerana kebanyakkhan wanita

banyak memendam perasaan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga LPPKN memandang serius mengenai isu ini kerana ia bukan sahaja menjelaskan hubungan dan interaksi antara ibu bapa dan anak-anak tetapi turut melibatkan nilai-nilai kekeluargaan yang boleh memberi implikasi kepada pembangunan sosial negara.

7. Sehubungan dengan ini, Dasar Keluarga Negara (DKN) dan Pelan Tindakan DKN yang diluluskan oleh kerajaan pada bulan Disember 2010 akan menjadi garis panduan ke arah pengukuhan institusi keluarga.

PENUTUP

8. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang sudi meluangkan waktu untuk sama-sama memeriahkan majlis pada petang ini dan tahniah juga diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Semarak Sinar Ramadhan 1436H ini. Semoga kerjasama padu seperti ini akan turut diterjemahkan dalam konteks yang lebih luas, khususnya dalam membantu kerajaan memperbaiki dan meningkatkan kualiti perkhidmatan terhadap golongan sasar dan rakyat keseluruhannya. Saya juga amat berharap agar Warga Emas terus dihormati dan yang muda akan terus disayangi agar kita dapat hidup sejahtera selamanya selaras dengan slogan KPWKM **"Keluarga Bahagia Negara Sejahtera"**.
9. Malam ini merupakan malam ke-25 Ramadhan dengan itu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat meneruskan ibadah puasa dengan azam dan tekad yang terbaik terutamanya pada malam-malam terakhir Ramadhan untuk mengejar apa yang dijanjikan **"Lailatul Qadr"** yang mana malam ini setiap amalan kebaikannya melebihi 1000 bulan. Marilah kita sama-sama menadah tangan berdoa agar keberkatan Ramadhan Al-Mubarak ini akan menjadikan kita insan yang terbaik. Insya-Allah.

Buah dabai musim berkala,
Menu bersahur pembuka selera,
Perbanyak sedekah di bulan puasa,
Bertadarus Al Quran digiat semula.

Pohon mangga lebat buahnya,
Tumbuh dekat sepohon kenanga,
Berlumbalah kita mari bersama,
Meningkatkan taqwa di bulan puasa.

Sekian, terima kasih.
Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum W.B.T